

# Dr M menang percaturan politik: Akhbar

di 6 AUG 1986

JAKARTA, Selasa — Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memenangi percaturan politiknya dengan corak yang meyakinkan, demikian menurut akhbar *Jakarta Post* dalam lidah pengarangnya hari ini, ketika mengulas keputusan pilihanraya umum Malaysia.

Antaranya, lidah pengarang itu berkata: "Apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membubarkan Parlimen Malaysia pada 18 Julai dan mengumumkan pilihanraya 'mengejut' dia-

dakan pada 3 Ogos di Semenanjung Malaysia dan 2-3 Ogos di Sabah dan Sarawak, keputusan itu jelaslah satu percaturan politik yang besar.

"Ekonomi Malaysia yang tidak bergerak disebabkan kejatuhan barangan eksport utama negara itu, tuduhan rasuah di kalangan mereka yang rapat dengan Perdana Menteri dan arus politik sejak perletakan jawatan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri Februari lalu menimbulkan spekulasi bahawa Barisan Nasional, pangkalan politik Dr Mahathir, akan mencapai satu kejayaan yang kurang.

"Apa yang berlaku seperti yang ditunjukkan oleh keputusan pilihanraya itu, jelaslah bahawa Dr Mahathir Mohamad telah memenangi percaturan politiknya dengan corak yang meyakinkan. Barisan Nasional memenangi kejayaan besar dengan mendapat 148 kerusi daripada 177 kerusi Parlimen dan dengan itu memberinya majoriti dua pertiga yang kukuh.

"Keputusan itu juga menunjukkan Barisan Nasional mencapai kejayaan besar dalam apa yang dikatakan negeri Melayu — Kelantan, Kedah dan Terengganu. Pada hakikatnya, parti pembangkang Pas yang berpangkalan di Kelantan yang memperjuangkan pembentukan sebuah negara Islam hanya mendapat sebuah kerusi saja berbanding lima pada pilihanraya lalu.

"Melihat kenyataan-kenyataan awal yang dikeluarkan selepas pilihanraya, Datuk Seri Dr Mahathir yakin bahawa, sejauh ini tiada apa-apa yang salah pada pimpinannya itu. Tetapi, dengan suasana keriangian kejayaan politik baru itu, maka memanglah boleh difahami jika Dr Mahathir nampaknya terlalu berkeyakinan." — UPI.